

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATO' DR. MOHD KHAIRUDDIN BIN AMAN RAZALI [KUALA NERUS]

SOALAN : 280

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dasar dan inisiatif bagi menjamin hak penjawat awam untuk bersuara dan menyertai kegiatan politik sejajar dengan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Secara umumnya, Pegawai Awam **adalah dilarang** mengambil bahagian dalam kegiatan politik seperti yang digariskan dalam Peraturan 21(1), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, [P.U.(A) 395/1993].

Peraturan berkenaan telah menggariskan bahawa seseorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional adalah dilarang mengambil bahagian aktif dalam aktiviti politik atau memakai mana-mana lambang sesuatu parti politik. Pengecualian walau bagaimanapun diberikan kepada skim tertentu seperti guru dan kumpulan pelaksana dengan kebenaran bertulis daripada pengurusan tertinggi.

SOALAN NO. 280

Hak pegawai awam untuk bersuara pula merujuk kepada “**Perlembagaan Persekutuan: Perkara 10. Kebebasan Bercakap, Berhimpun Dan Berpersatuan**” yang mana tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)--

- (a) tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara;

Walaupun peruntukan berkenaan memberikan hak kepada setiap warganegara, pegawai awam adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Tatakelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A)/395/1993]. Kebebasan bersuara dihadkan menerusi peraturan membuat pernyataan awam yang dinyatakan di bawah Peraturan 19, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Walau bagaimanapun, pegawai awam **boleh menyampaikan teguran** terhadap kepimpinan Kerajaan melalui saluran yang betul seperti melalui Majlis Bersama Jabatan yang merupakan medium dua hala, di mana Pihak Pekerja diberi saluran untuk berkomunikasi dengan Pihak Pengurusan dalam menyuarakan pendapat, pandangan serta menyumbang idea-idea yang bernas demi kepentingan dan kebaikan organisasi atau melalui soal selidik kepuasan penjawat awam terhadap pentadbiran Kerajaan yang diedarkan secara berkala di setiap agensi Kerajaan.

Sekian, terima kasih.